

SAHABAT



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Benih merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

SAHABAT

Marliana Mohamed Rashid

Suasana pagi yang bening itu sama seperti pagi-pagi yang lain. Embun pagi jatuh lalu menitis lembut dari pohon ke bahu Sufi yang sedang menerjah kesunyian pagi itu.

Awal-awal lagi Sufi sudah keluar rumah untuk menaiki bas di perhentian bas yang berdekatan. Dia tidak pernah merungut. Apabila ditanya tentang keputusannya memilih sekolah yang jauh daripada rumah, dia akan memberikan jawapan yang sama sahaja, iaitu "jauh perjalanan, luas pemandangan" dengan senyuman yang cukup meyakinkan. Sesiapa yang mendengar jawapan pemuda belasan tahun yang matang dan berwawasan ini pasti akan terkedu.

“Hai, Sufi!” Berdesing telinga Sufi dengan sapaan lantang kawan baiknya, Firas, sebaik-baik sahaja dia sampai di perkarangan sekolah.


Telinganya yang dipasang fon telinga pun masih boleh mendengar suara Firas. Telefon Samsung S7 yang dipegangnya sambil mendengar lagu itu dirampas oleh Firas. Dia tahu Firas memang berkenan dengan telefon bimbit miliknya. Jenama telefon bimbit itu masih baharu di pasaran.

Sebenarnya murid-murid dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah. Namun demikian, pihak sekolah menegaskan bahawa setiap murid harus bertanggungjawab terhadap telefon bimbit masing-masing. Murid perlu memastikan bahawa telefon bimbit mereka dijaga dan selamat daripada dicuri atau hilang disebabkan kecuaiannya. Murid juga dibenarkan untuk menggunakan telefon bimbit pada waktu kurikulum sekiranya mustahak dan mendapat kebenaran daripada guru.

Sufi, anak tunggal, beruntung kerana ayahnya seorang ahli perniagaan. Ibunya pula seorang pensyarah di sebuah universiti yang ternama di Kota Singa. Firas pula merupakan anak sulung antara tiga adik-beradik. Ayahnya menyara kehidupan keluarga mereka, sementara Firas membantu ibunya untuk menjaga keperluan adik-adiknya yang lain.

Sifat Sufi yang mengasihani orang lain membuatkan dirinya dan Firas akrab. Firas pula beruntung mendapat seorang kawan yang pemurah dan baik hati seperti Sufi. Kadang-kadang, Firas sengaja mengambil kesempatan daripada kebaikan Sufi.

Sufi membiarkan sahaja Firas meneliti aplikasi-aplikasi yang digemarinya. Sufi sudah terbiasa dengan sikap Firas. Mereka berdua ini bagaikan isi dengan kuku. Hanya ada satu perkara yang membezakan antara Sufi dan Firas. Sufi tajam akal. Firas pula kurang bijak dan tidak begitu berminat dengan pelajaran. Ibu bapa Firas seringkali menggalakkan mereka belajar bersama-sama supaya Firas dapat belajar daripada Sufi.




“Sufi, pinjam buku Maths Sums sekejap boleh?” tanya Firas lalu meletakkan beg sekolahnya di atas bangku.

Raut wajahnya yang terdesak seperti itu bukan sesuatu yang asing buat Sufi. Sufi sudah biasa dengan permintaan Firas.

Deringan loceng menyentak tumpuan Firas yang sedang meniru hasil kerja Sufi. Tanpa berlengah lagi, dia memulangkan buku tersebut kepada Sufi yang sedang bertugas di hadapan pagar sekolah.

Sufi seorang ketua pengawas sekolah. Dia memang cukup disegani oleh murid-murid lain. Daripada potongan rambutnya yang kemas dan rapi, hinggalah ke penampilan dirinya yang berkeyakinan tinggi dan mudah bergaul, Sufi menjadi idola bagi kawan-kawan dan berjaya mencuit perasaan kawan-kawan perempuan dengan senyumannya yang bersahaja. Adakalanya Firas terasa hati apabila sering dibandingkan dengan Sufi.



Waktu perhimpunan sekolah pagi itu, Sufi, selaku ketua pengawas sekolah memberikan ucapan kepada seluruh warga sekolah tentang hal kecurian telefon bimbit yang dilaporkan oleh beberapa orang murid. Sekarang, sudah tiba masanya untuk pihak sekolah mengambil tindakan yang tegas terhadap murid yang melanggar peraturan sekolah.

“Pengumuman ini adalah untuk semua kelas Darjah 6. Murid-murid tidak dibenarkan bersurai selepas waktu sekolah.”

“Harap tunggu arahan seterusnya di dalam kelas masing-masing. Terima kasih,” ucap Encik Burhan guru disiplin merangkap naib pengetua sekolah mereka.

Sebaik-baik sahaja waktu sekolah tamat, Sufi dipanggil masuk ke dalam bilik mesyuarat utama di dalam sekolah mereka bersama guru-guru serta pengawas-pengawas senior yang lain. Nampaknya, ada mesyuarat tergepar. Rasa kurang enak mula **menerpa** dirinya.

Satu kes kecurian baru sahaja berlaku di dalam Darjah 6 Budiman semasa sesi latihan jasmani. Tiba-tiba, Sufi teringat akan Firas. Firas merupakan pelajar di kelas itu. Telefon bimbit Siti Masfirah hilang sebaik-baik sahaja dia kembali ke kelas. Padahal, baru sahaja Sufi memberi peringatan kepada semua murid supaya bertanggungjawab dan tidak melanggar peraturan sekolah. Siti Masfirah telah dimarahi oleh Encik Burhan. Kini, mereka perlu memeriksa beg setiap murid Darjah 6.

Sufi bergerak ke Darjah 6 Budiman untuk membantu Puan Laura, guru Matematik yang terkenal dengan sifatnya yang tegas.

“Sufi, awak periksa beg-beg murid lelaki,” arah Puan Laura sebaik-baik sahaja dia memberitahu murid-murid Darjah 6 Budiman tujuan mereka ditahan selepas waktu sekolah.

Sufi menuruti arahan gurunya. Ketegangan mulai dirasakan dalam kalangan murid. Wajah mereka penuh

tanda tanya. Patutlah Siti Masfirah tidak kembali ke kelas langsung.

Di dalam minda Sufi sudah terbayang rupa telefon bimbit Siti Masfirah yang harus dicarinya itu. Hatinya mula tertanya-tanya. Siapalah punya angkara?

Tanpa disedarinya, Sufi sudah sampai di meja Firas. Sufi menjadi serba-salah. Sufi mula **menyelongkar** beg Firas. Tangannya teliti memeriksa setiap sudut beg. Tiba-tiba dia terpegang sesuatu yang berbentuk seperti sebuah telefon bimbit.

Sufi **mengerling** pada wajah Firas yang masih tenang. Pada saat itu, Sufi bagaikan tidak percaya melihat objek yang ada di tapak tangannya.



“Bukankah telefon ini yang dicari Siti Masfirah?” desis Sufi di dalam hati sambil merenung wajah Firas yang mula gelisah.

Kedua-dua biji mata Firas menjadi merah bagaikan menjerit minta dilepaskan dan diselamatkan. Bagaimana mungkin dia tidak membantu kawan baiknya yang sudah dianggapnya seperti adik sendiri? Sampai ke hatinya

untuk melihat ibu bapa Firas hancur menerima berita tentang kelakuan Firas, anak sulung mereka.

Tumpuan murid-murid Darjah 6 Budiman masih kepada Puan Laura yang sedang memeriksa beg murid-murid. Sementara itu, soalan demi soalan mengganggu fikiran Sufi. Kata-kata nasihat dan galakan guru-guru dan ibu bapanya sendiri bergema di gegendang telinganya.

Renungan

Persahabatan haruslah berlandaskan nilai-nilai yang murni. Persahabatan juga memerlukan seseorang itu bertanggungjawab untuk memastikan sahabatnya mengamalkan nilai-nilai yang murni juga.

Apakah renungan kamu mengenai perbuatan yang dilakukan oleh Firas?

Glosari

1. **menerjah** – datang dengan tiba-tiba, merempuh atau melanggar
2. **berwawasan** – mempunyai visi atau berpandangan jauh
3. **berseloroh** – bergurau
4. **tergempar** – dengan mendadak, dengan sangat tiba-tiba
5. **menerpa** – menyerbu dan menyerang
6. **menyelongkar** – mencari dengan membongkar-bongkar
7. **mengerling** – menjeling, memandang ke kiri atau ke kanan dengan tidak menggerakkan kepala

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah menauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

